

# Bisnes

bisnes@utusan.com.my

Faks 03.9223 0957



## Indeks Komposit Kuala Lumpur

876.56  
(-14.11) mata

## Bursa Utama Dunia

↓ SINGAPURA  
Straits Times  
-61.47 mata  
1,533.40

↓ TOKYO  
Nikkei  
-288.27 mata  
7,280.15

NEW YORK  
Dow Jones

TUTUP

➤ 2 MAC 2009  
Pertukaran mata wang asing  
berbanding ringgit

AMERIKA  
\$ 3.7260/7300

JEPUN  
¥ 8.8235/8296

SINGAPURA  
\$ 2.3980/4023

STERLING  
£ 5.3014/3082

EURO  
€ 4.6951/7009

Pernah dilaksana ketika krisis kewangan Asia 1997/98

# Wujudkan sektor keutamaan

**KUALA LUMPUR** 2 Mac – Bank Negara Malaysia (BNM) perlu mewujudkan sektor keutamaan untuk memastikan institusi perbankan tempatan terus menyalurkan dana bagi merangsang semula aktiviti-aktiviti perniagaan yang semakin merosot akibat kesan kelesetan ekonomi global.

Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin berkata, sekiranya pendekatan itu tidak dilaksanakan, masalah industri-industri kecil untuk mendapat pembiayaan daripada bank tempatan pasti tidak dapat diselesaikan.

Menurut beliau, kerajaan pernah melaksanakannya ketika berhadapan dengan krisis kewangan Asia 1997/98 dan ia dapat menangani masalah industri kecil negara untuk mendapatkan pinjaman.

"Ketika itu, kerajaan melaksanakan peruntukan dengan mengarahkan institusi perbankan mengeluarkan pinjaman dengan menetapkan peratusan tertentu bagi sektor-sektor yang diberi keutamaan dan pelaksanaannya dipantau secara serius.

"Adalah bank, banya mengeluarkan pembiayaan kepada orang kaya sahaja. Jadi, bank pusat perlu mengeluarkan arahan seperti itu.

"Kalau tidak buat, bank akan terus berhati-hati untuk memberi pembiayaan dan

◀ Dalam keadaan sekarang, kerajaan juga perlu mengurangkan kerenah birokrasi untuk memastikan projek-projek yang diperuntukkan dalam pakej rangsangan dapat dilaksanakan secepat mungkin supaya ia boleh memberi faedah berganda dengan segera

- TUN DAIM ZAINUDDIN  
Bekas Menteri Kewangan

akhirnya masalah yang dihadapi golongan peniaga tidak selesai," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kesukaran golongan peniaga mendapatkan pembiayaan dalam mengharungi krisis ekonomi.


Daim berkata, dalam menangani krisis, langkah pertama yang perlu dilakukan ialah berbelanja dengan segera.

"Malaysia perlu segera berbelanja supaya ekonomi dapat dirangsang semula. Kita sekarang dalam keadaan kecemasan dan perlu

pantas berbelanja," tambah beliau.

Beliau berkata, dalam keadaan sekarang, kerajaan juga perlu mengurangkan kerenah birokrasi untuk memastikan projek-projek yang diperuntukkan dalam pakej rangsangan dapat dilaksanakan secepat mungkin supaya ia boleh memberi faedah berganda dengan segera.

"Dalam berhadapan dengan krisis yang serius kita tidak boleh tunggu. Kalau kita mematuhi birokrasi tender susahlah kerana ia memakan masa dua tahun. Kalau macam itu mati," ujarnya.



## Bursa Malaysia 10 Saham Paling Cergas

KAUNTER	JUAPAN DAGANGAN (juta)	HARGA TUTUP (sen)
KNM	43.022	36.5 - 0.5
TM	17.989	352 + 8
TMI	16.080	269 - 33
RESORTS	16.053	211 - 10
SIME	13.131	545 - 20
UEM LAND	11.563	70 - 4.5
MRCB	10.221	81.5 - 3.5
COMMERZ	9.882	655 - 35
WCT	8.775	96 - 5
TLC POWER	8.646	195 + 1

## Bursa tutup 9 Mac

**KUALA LUMPUR** 2 Mac – Bursa Malaysia akan menutup operasinya pada 9 Mac ini sempena sambutan Maulidur Rasul.

Operasi akan dibuka semula pada keesokan harinya.

## LIAM nafi keluar maklumat

**KUALA LUMPUR** 2 Mac – Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) menafikan persatuan itu ada mengeluarkan maklumat awam mengenai kedudukan syarikat-syarikat insurans hayat di Malaysia.

Dalam kenyataan di sini hari ini, LIAM menjelaskan beberapa iklan yang disiarkan oleh sebuah syarikat insurans hayat baru-baru ini yang mendakwa ia merupakan syarikat insurans hayat No 1, sebagai kenyataan tidak tepat.

Menurut LIAM, syarikat insurans berkenaan telah mengaitkan LIAM sebagai sumber yang menetapkan kedudukan tersebut.

"Tetapi pada hakikatnya, kedudukan itu tidak dibuat oleh LIAM," tambahnya.

Sementara itu, LIAM berkata, keadaan ekonomi dan pelaburan yang semakin merosot sekarang telah menyebabkan penurunan jualan

## Indonesia hab teknologi UEM

**JAKARTA** 2 Mac – Kumpulan UEM Bhd. melalui anak syarikatnya, Teras Teknologi Sdn. Bhd. (Teras Teknologi) yang sedang meneroka peluang perniagaan di Jakarta akan menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat negara itu untuk menjadikan Indonesia sebagai hab teknologinya.

Teras Teknologi adalah sebuah syarikat berasaskan teknologi maklumat dan telekomunikasi telah membangunkan penyelesaian pembayaran untuk sistem kutipan tol (TCS) melalui kad Touch n Go dan Smart Tag.

UEM dalam kenyataannya berkata, Teras Teknologi akan mengenal pasti rakan strategi untuk mengintai peluang perniagaan di Indonesia.

"Kami sedang bekerjasama dengan syarikat tempatan Indonesia untuk menjadikannya sebagai hab teknologi serantau.

"Teras Teknologi percaya Indonesia boleh mengorak langkah menjadi negara pendahulu yang menggunakan kad tunggal untuk digunakan di pelbagai spektrum seperti di lebuh raya, pengangkutan awam, pusat hiburan, runcit, perumahan, bangunan dan penggunaan individu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Katanya, sistem pemindahan pembayaran dan tol milik Teras Teknologi sudah diguna pakai di lebuh raya Cikampek-Palimanan.

Teras Teknologi kini menjadi penyedia terbesar TCS di Asia Tenggara dengan penguasaan pasaran sebanyak 70 peratus di Malaysia, selain turut berada di Filipina dan India.

Sehingga hari ini, Teras Teknologi telah mendapat kontrak bernilai AS\$160 juta (RM592 juta).

